

Dasar Privasi

Data Peribadi

FWD Takaful Berhad (“FWD”) komited terhadap perlindungan maklumat peribadi pelanggan kami. Memandangkan anda melanggan khidmat kami dan berkongsi maklumat anda kepada kami, kami ingin menjelaskan bagaimana kami menggunakan maklumat anda dan cara-cara kami melindungi privasi anda. Walau bagaimanapun, FWD tidak tertakluk kepada mana-mana tanggungjawab kerahsiaan melibatkan apa-apa maklumat yang telah diserahkan kecuali yang telah dipersetujui oleh FWD secara terus kepada pelanggan atau yang telah diperuntukkan di bawah Undang-Undang Malaysia. Sila rujuk data privasi dan [Notis Akta Perlindungan Data Peribadi](#) kami, dan sila hubungi kami di contact.my@fwd.com untuk sebarang pertanyaan. Maklumat peribadi yang diberikan oleh pengguna kepada FWD melalui laman sesawang atau laman-laman mikro FWD, menggunakan borang atau soal selidik secara atas talian, adalah perlu untuk memproses borang-borang dan soal selidik ini. Apabila anda berkongsi maklumat peribadi anda dengan kami, kami menggunakan maklumat tersebut untuk memberikan, menyelenggara, melindungi dan menambah baik dan mengembangkan perkhidmatan kami, termasuk untuk melindungi FWD dan para pengguna kami. Maklumat peribadi yang kami perolehi akan diproses oleh jabatan-jabatan FWD yang terlibat dan mungkin akan diproses oleh peranti yang terletak di luar negara. Kami akan meminta kebenaran anda sebelum menggunakan maklumat anda untuk tujuan selain daripada yang telah dinyatakan di sini. Anda juga mempunyai hak untuk mengakses maklumat peribadi anda yang berada di dalam rekod FWD dan boleh membetulkan dan/atau mengemaskini maklumat peribadi tersebut dari semasa ke semasa.

Maklumat yang Kami Kongsi

Kami tidak berkongsi maklumat peribadi dengan entiti-entiti dan/atau individu-individu luar daripada FWD tetapi, tertakluk kepada peruntukan di bawah undang-undang Malaysia, maklumat peribadi boleh:

1. Diberikan kepada mana-mana syarikat bersekutu FWD dan/atau mana-mana individu dan/atau entiti berkaitan dengan FWD, dan dalam hal ini, anda membenarkan pemindahan data anda ke luar negara;
2. Diberikan dengan izin anda kepada orang-orang yang anda telah izinkan secara bertulis;

3. Didedahkan kepada mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa berkaitan atau mana-mana kemudahan perkongsian maklumat dalam industri insurans atau takaful; dan/atau
4. Dikongsi dengan entiti-entiti dan/atau individu-individu di luar FWD atau mana-mana sekutunya jika kami dengan suci hati percaya bahawa pemprosesan dan/atau pendedahan maklumat tersebut adalah perlu untuk mematuhi undang-undang atau peraturan-peraturan atau bagi tujuan kepentingan sah FWD.

Untuk senarai lengkap pihak-pihak yang terlibat dengan perkongsian maklumat anda, sila rujuk [Notis Akta Perlindungan Data Peribadi](#).